

SEJARAH PANJANG HUBUNGAN MALAYSIA-CHINA.**

Dr Haji Ishak Bin Saat
Pensyarah Kanan
Rancangan Sejarah
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
11800 USM, Pulau Pinang.

ABSTRAK

Jalinan hubungan antara Malaysia dengan China bermula sejak abad ke-13 lagi. Sejarah panjang ini memperlihatkan hubungan dua hala yang cukup mantap dan memberikan kesan langsung kepada kedua-dua buah negara. Bermula dengan hubungan diplomatik iaitu sebagai kuasa lindungan kepada Kesultanan Melayu Melaka dan seterusnya pertalian kekeluargaan DiRaja. Hubungan ini memperlihatkan pusingan pertama proses migran masyarakat Cina ke Tanah Melayu. Kemudian pusingan kedua proses migran berlaku secara yang lebih besar sekitar abad ke-19 dan 20. Mereka ini berinteraksi, berintegrasikan dan berasimilasi dengan masyarakat pribumi lokal. Hubungan ini terus bercambah dengan subur dan melahirkan masyarakat Baba dan Nyonya yang mengamalkan budaya Melayu dalam kehidupan seharian. Dalam masa yang sama wujud juga masyarakat Tionghoa yang kekal dengan budaya asal mereka di Tanah Melayu. Era lepas Perang Dunia Kedua, mereka ini tergolong sebagai sebahagian daripada masyarakat dan warganegara Malaysia. Mereka terlibat secara langsung dalam mencorakkan suasana politik, ekonomi dan sosial di Malaysia. Hubungan Malaysia – China terus berkembang dan menjalinkan kerjasama yang cukup erat bermula dengan hubungan keagamaan, politik, sosial dan juga ekonomi. Sejarah panjang ini tidak boleh dipadamkan, malah terus subur sehingga hari ini.

Pendahuluan

Jalinan hubungan antara Malaysia dengan China bermula sejak abad ke-13 lagi. Sejarah panjang ini memperlihatkan hubungan dua hala yang cukup mantap dan memberikan kesan langsung kepada kedua-dua buah negara. Bermula dengan hubungan diplomatik, kemudian hubungan kekeluargaan DiRaja dan kemudian diikuti dengan kewujudan masyarakat majmuk bangsa Cina yang akhirnya

* Kajian ini merupakan hasil daripada Geran Penyelidikan Universiti (RU), USM 2009.

* Kertas kerja ini telah dibentangkan dalam *Seminar 35 Tahun Hubungan Diplomatik Malaysia dengan China* di Beijing Foreign Studies University, Beijing, China pada 29 Mei-4 Jun 2009.


menjadi sebahagian daripada rakyat Malaysia. Mereka ini bukan sahaja menjadi warganegara terasing tetapi sebahagian daripada mereka telah berasimilasi dengan bangsa Melayu dari segi agama dan kebudayaan. Kini hubungan ini seolah-olah kembali terjalin dengan hubungan ekonomi dan politik moden yang lebih **kompetitif**.

Kesultanan Melayu Melaka

Bermula dengan hubungan diplomatik iaitu sebagai kuasa lindungan kepada Kesultanan Melayu Melaka dan seterusnya pertalian kekeluargaan DiRaja. Hubungan ini memperlihatkan pusingan pertama proses migran masyarakat Cina ke Tanah Melayu. Kebangkitan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka yang diasaskan oleh Parameswara / Megat Iskandar Shah [1402-1424M] telah meletakkan asas kerjasama diplomatik dengan pelbagai negara luar. Di bawah kerajaan Dinasti Ming hubungan diplomatik pertama antara Melaka dengan China terjalin. Tahun 1404 Melaka menerima perutusan Maharaja China iaitu Laksamana Yin Ching kemudian diikuti oleh Laksamana Cheng Ho pada tahun 1405 dan 1409.¹

Lantaran Melaka waktu itu menerima ancaman dari kerajaan Siam maka hubungan diplomatik diperluaskan dengan hubungan ketenteraan. Kerajaan China bersetuju menaungi Melaka yang diiktiraf sebagai sebuah kerajaan yang berdaulat.

¹ Cheng Ho adalah seorang Muslim yang menjadi orang kepercayaan Maharaja Yung Lo yang berkuasa antara tahun 1403-1424, baginda merupakan mahajara ketiga dari Dinasti Ming. Nama aslinya adalah Ma He, juga dikenal dengan sebutan Ma Sanbao, berasal dari daerah Yunnan. Ketika pasukan Ming menaklukkan Yunnan, Cheng Ho ditangkap dan kemudian dijadikan orang hamba. Ia adalah seorang bersuku Hui, suku bangsa yang secara fizikalnya mirip dengan suku Han, namun beragama Islam. Cheng Ho adalah seorang hamba Muslim yang menjadi orang kepercayaan Maharaja Yung Lo. Atas kepercayaan dan kebolehan maka Cheng Ho dilantik sebagai Laksamana / Armada Laut. http://ms.wikipedia.org/wiki/Cheng_Ho




PERBANDINGAN KAPAL LAKSAMANA CHENG HO (1405) DENGAN KAPAL "SANTA MARIA" COLOMBUS (1492/93).

Hubungan dua hala ini mengeratkan lagi kerajaan dua buah negara ini. Pada tahun 1411, diiringi oleh Laksamana Cheng Ho, Parameswara berserta dengan pengikutnya seramai 540 orang telah pergi menghadap Maharaja Yung Lo. Pada waktu itu, China diperintah oleh Dinasti Ming. Lawatan rasmi ini menyaksikan rombongan Melaka dianugerahkan dengan payung kuning, cap mohor dan sepersalinan pakaian tanda pengiktirafan kerajaan China terhadap Kesultanan Melayu Melaka. Utusan-utusan Melaka terus dihantar ke China pada tahun-tahun 1412 dan 1413. hubungan ini memberikan impak positif terhadap Melaka kerana tidak diganggu lagi oleh kerajaan Siam dan Majapahit. Keadaan ini memberikan kesempatan kepada Kesultanan Melayu Melaka berkembang pesat sehingga menjadi sebuah pusat perdagangan yang maju sehingga bertaraf dunia. Melaka menjadi tumpuan para pedagang Islam dan bukan Islam sehingga menjadikan Melaka maju bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi kemajuan turut dikecapi dari segi politik dan sosial. Kehadiran para pendakwah Islam dan pengislaman Parameswara pada tahun 1414 telah menyebabkan Melaka berkembang pesat sebagai Pusat Penyebaran Islam di rantau Nusantara. Kepesatan ini membolehkan Kesultanan Melayu Melaka berkembang sehingga menjadi sebuah empayar yang terkuat di Asia Tenggara.

Namun hubungan dua hala dengan kerajaan China tidak diabaikan. Di waktu pemerintahan Sultan Mansor Shah [1459-1477M] yang masih muda dan bujang telah kembali menjalinkan kerjasama diplomatik dengan kerajaan China. Satu perutusan dengan pelbagai hadiah telah dihantar ke China. Maharaja China telah menganugerahkan Puteri Hang Li Po kepada Sultan Mansor Shah. Satu keputusan dan pengiktirafan terhadap Sultan Mansor Shah sebagai pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Baginda telah menghantar Tun Perpatih Puteh untuk mengiringi anugerah tersebut. Puteri Hang Li Po tiba di Melaka pada tahun 1458 dengan diiringi oleh sejumlah 500 orang pengikut dari negeri China. Puteri Hang Li Po kemudiannya diperisterikan oleh Sultan Mansor Shah pada tahun 1459. Perutusan dan anugerah ini membuktikan Melaka dan China memasuki satu lagi fasa dalam sejarah panjang hubungan Melaka – China. Ini menjalinkan hubungan keluarga DiRaja antara kedua-dua buah kerajaan.

Peristiwa perkahwinan bersejarah ini telah disemadikan dalam sejarah Kesultanan Melayu Melaka dengan pembinaan Perigi Hang Li Po tanda hubungan diplomatik dan hubungan kekeluargaan antara dua benua ini. Perigi Hang Li Poh atau juga dikenali sebagai Perigi Raja ini dibina pada tahun 1459 di bawah arahan Sultan Mansor Shah kepada isteri baginda, seorang puteri dari negara China, Puteri Hang Li Poh. Perigi ini tidak pernah kering dan merupakan satu-satunya punca air semasa musim kemarau. Pihak Belanda membina tembok disekelilingnya pada tahun 1677 untuk memeliharanya sebagai perigi permintaan (wishing well). Ada yang berkata bahawa mereka yang melontar duit syiling ke dalamnya akan kembali ke Melaka pada masa depan. Perigi ini terletak di Jalan Puteri Hang Li Poh.²

² http://ms.wikipedia.org/wiki/Perigi_Hang_Li_Poh



PERIGI HANG LI PO

Imigran Cina

Penghijrahan imigran Cina dari benua asal kelahiran mereka sesungguhnya dipengaruhi oleh banyak faktor penolak dan juga faktor menarik. Menyingkap sejarah silam zaman Kesultanan Melayu Melaka kita akan dapati perhijrahan yang terawal orang-orang Cina bermula di zaman tersebut. Ianya diketuai oleh Puteri Hang Li Po yang berkahwin dengan Sultan Mansor Shah. Puteri Hang Li Po dengan diiringi seramai 500 orang pengikut telah bermustautin di Melaka. Ini merupakan pusingan pertama proses penghijrahan imigran Cina di Tanah Melayu. Kesan daripada peristiwa bersejarah ini kewujudan kelompok masyarakat peranakan di antara Melayu – Cina iaitu hasil daripada proses perkahwinan campur antara kedua-dua etnik tersebut. Mereka ini dikenali sebagai kaum Baba dan Nyonya.

Baba dan Nyonya adalah segolongan keturunan kaum Cina yang unik kedudukannya di kalangan kaum Cina yang terdapat di Negeri-negeri Selat dan Tanah Melayu amnya (kini Malaysia), khususnya di negeri Melaka. Apabila Tanah Melayu dijajah oleh British pada awal abad ke-17, berlaku infiriti kompleks di kalangan mereka. Sebahagian mereka enggan mengakui bahawa mereka

adalah orang Cina tetapi sebaliknya mendakwa bahawa mereka adalah rakyat British dan amat berbangga dengan kedudukan ini. Tambahan pula, mereka mengeji pendatang-pendatang Cina yang baru dan mempunyai kelab tersendiri yang tidak membenarkan pendatang-pendatang Cina masuk.³ Mereka memanggil diri mereka sebagai "Baba" atau "Peranakan" kerana kebudayaan mereka, yang berasal daripada warisan tradisi Cina, mempunyai unsur-unsur pengaruh kebudayaan Melayu. Penyesuaian dan resapan budaya mereka terhadap suasana sosio-budaya di persekitaran mereka di zaman silam, iaitu melalui perkahwinan campur yang berlaku di antara kaum-kaum Cina dan Melayu, adalah punca utama mengapa generasi seterusnya memanggil mereka sebagai "Baba". Dari segi anutan, kebanyakannya masih mengekalkan agama Buddha, namun telah ramai yang memeluk agama lain seperti Islam atau Kristian. Setelah bermustautin di Tanah Melayu dan menjiwai kebudayaan Melayu akhirnya mereka ini menjadi sebahagian daripada kelompok masyarakat yang terdapat di Tanah Melayu.

Proses penghijrahan kedua yang paling penting melibatkan perpindahan secara besar-besaran adalah dalam sekitar abad ke 19 dan ke 20. Ianya dipengaruhi oleh faktor penolak yang terdapat di negeri China iaitu masalah kemiskinan dan penderitaan hidup yang dihadapi oleh mereka di negara asal mereka. Ketidakstabilan ekonomi ditambah pula dengan suasana politik yang kucar kacir seperti tercetusnya pemberontakan Taiping tahun 1857 di kawasan tengah dan selatan negara China memaksa mereka ini melakukan penghijrahan keluar dari negara asal mereka. Fenomena ini ditambah pula dengan wujudnya suasana kepadatan penduduk yang berlebihan di kawasan selatan negara China, telah menimbulkan masalah kekurangan makanan dan kebuluran. Situasi ini mendorong mereka berhijrah ke luar. Ini merupakan sebahagian daripada faktor penolak. Proses imigrasi diperkuatkan pula dengan adanya faktor penarik seperti

³ http://ms.wikipedia.org/wiki/baba_nyonya

peluang-peluang pekerjaan yang terbentang luas di Tanah Melayu.⁴ Diikuti dan dipengaruhi pula oleh dasar pemerintahan Inggeris yang menggalakkan kemasukan kaum migran Cina untuk berniaga dan membuka kawasan-kawasan lombong bijih timah. Demi untuk memenuhi keperluan bahan mentah, Inggeris sedia menerima kemasukan kaum migran Cina tanpa mengambil kira pandangan dan juga perasaan masyarakat pribumi lokal di Tanah Melayu.

Masyarakat Cina terbahagi kepada pelbagai puak berdasarkan dialek pertuturan mereka. Kalau ditinjau dari pola penghijrahan berdasarkan kelompok bahasa dan dialektanya, didapati bahawa mereka ini terdiri daripada kelompok bahasa Teochew, Kantonis dan Hailam yang berasal dari wilayah Kwangtung. Manakala Hakkien dari wilayah Fukien. Bagi mereka yang bertutur dalam dialek Hakka pula berasal dari wilayah Pergunungan Kwantung. Sebagai contoh taburan kependudukan bangsa Cina ialah penempatan kaum Cina di kawasan perlombongan sekitar bandar Ipoh ialah dari dialek Hakka. Bagi kawasan pelabuhan seperti Pulau Pinang, Telok Anson, Lumut di Perak dan Kelang, Selangor didiami pula dari dialek Hokkien. Manakala yang terlibat secara langsung dalam kegiatan ekonomi pertanian pula seperti penanaman tebu, lada hitam, dan gambir, taburan kependudukan Cinanya terdiri dari golongan dialek Teochew.⁵

Penghijrahan bangsa Cina ini menjadi begitu rancak sekali pada abad ke 20 kerana waktu itu pembukaan kawasan-kawasan lombong bijih timah dan minat pihak British yang memerlukan bahan tersebut serta kekurangan tenaga kerja sektor tersebut. Lantaran itu dasar British menggalakkan kaum Cina datang secara beramai-ramai demi untuk memenuhi keperluan tenaga buruh dalam sektor perlombongan. Maka proses penghijrahan kaum Cina dilakukan melalui beberapa sistem, antaranya ialah melalui *Sistem Tiket Kredit* yang diusahakan

⁴ Ishak Saat. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Karisma Publications. Shah Alam. 2005. hlm. 8-11.

⁵ Khoo Kay Kim, *Latarbelakang Sejarah Masyarakat India dan Cina di Tanah Melayu*, dlm. JEBAT bil. 1, Persatuan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1971/72, hlm. 20.

oleh kelompok-kelompok Cina yang lebih dikenali sebagai kongsi gelap. Kaedah ini menimbulkan banyak masalah kerana melibatkan unsur-unsur yang tidak sihat. Kegagalan sistem ini yang tidak mengutamakan kebajikan para buruh Cina kemudiannya digantikan dengan *Sistem Pengambilan Personal* oleh majikan yang memerlukan tenaga buruh dan sistem pengambilan rumah kongsi apabila kerajaan Inggeris mula prihatin dalam hal-ehwal merekrutkan buruh-buruh Cina ini.⁶ Tidak harus diabaikan bahawa mereka ini datang dengan pelbagai latar belakang dan fahaman politik yang akhirnya dizahirkan. Abad ke-20 di negeri China kedatangan dua aliran pemikiran politik yang mendominasi China waktu itu iaitu Parti Kuumintang dan Parti Komunis China. Dua aliran fahaman yang sudah pasti menguasai pemikiran kaum migran yang berhijrah ke Tanah Melayu. Kemudian mencorakkan suasana politik di Tanah Melayu lebih menarik untuk dikaji dan diteliti.

Tranformasi Politik Raja ke Rakyat

Kehadiran kuasa penjajah British telah mewujudkan satu budaya baru dalam struktur politik Melayu dewasa ini. Kalau sebelum kedatangan mereka ini struktur politik Melayu sudah tentu berkisar dalam sistem feodal pemerintahan Raja Melayu secara terus. Sistem yang telah diamalkan sebelum kuasa Raja jatuh ke tangan kuasa penjajah. Sistem Kesultanan Melayu yang pernah mencatatkan keagungannya yang tersendiri. Malah pernah melalui satu zaman yang penuh dengan kegemilangan sehingga mencapai tahap empayar Melayu di Gugusan Kepulauan Melayu. Ia merupakan catatan sejarah yang tersimpan dalam lipatan sejarah silam, cuma sekadar dikaji dan diteliti untuk sesebuah kajian ilmiah semata-mata.

Apabila zaman penjajahan bermula maka berlaku satu proses tranformasi kuasa Raja ke politik kuasa rakyat. Rakyat Melayu diajar berpolitik melalui sistem

⁶ *Ibid*, hlm. 10.

kepartian dan sistem perkongsian kuasa. Kuasa Raja akhirnya dimuziumkan dan dinobatkan sebagai Sistem Raja Berperlembagaan. Sarjana Mahadzir Mohd. Khir menegaskan dalam artikelnya '*Proses Tranformasi Politik Malaysia : Dari Raja ke Rakyat*' secara tegas dan jelas menyatakan bahawa ;

"....struktur organisasi politik Melayu, dari bentuk feudal di zaman tradisional telah berubah menjadi satu bentuk organisasi lain yang tersendiri".⁷

Menurut beliau lagi pemahaman tentang politik Melayu dapat dibuat mengikut urutan peristiwa yang berlaku secara berperingkat-peringkat. Pertamanya, pemahaman tentang konsep politik, organisasi dan sistem kepercayaan Melayu peringkat awal. Kedua, pertembungan antara feudalisme dengan kolonialisme. Ketiga, bagaimana pertembungan tersebut menghasilkan sistem bercorak negara-bangsa(nation-state) serta proses demokrasi di mana kedaulatan Raja bertukar menjadi kedaulatan rakyat yang lebih bersifat nasional.⁸

Kuasa rakyat di sini bukan bermaksud kuasa rakyat Melayu semata-mata tetapi kuasa rakyat yang merangkumi seluruh masyarakat majmuk yang terdapat di Malaysia. Hatta selepas Perang Dunia Kedua masyarakat Cina terlibat secara langsung dalam mencorakkan politik dan pemerintahan di Tanah Melayu. Golongan ini menjadi pengerak kepada pertubuhan-pertubuhan penting masyarakat Cina di Tanah Melayu sebagai contoh *All Malayan Council of Joint Action* (AMCJA) yang dipimpin oleh Tun Tan Cheng Lock merupakan etnik Baba.⁹ Kemudian AMCJA bertukar menjadi *Malayan Chinese Asosiation* (MCA)

⁷ Mahadzir Mohd. Khir, '*Proses Tranformasi Politik Malaysia : Dari Raja ke Rakyat*', dlm. Norazit Selat, Hashim Awang dan Nor Hisham Osman(ed), *Meniti Zaman : Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Moden*, Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997, hlm.1, 5-6.


⁸ *ibid.*, hlm.2.

⁹ AMCJA adalah berasal dari Council of Joint Action (CJA) yang diasaskan pada 13 Disember 1946, di Singapura oleh Malayan Democratic Union (MDU). Pada tanggal 22 Disember 1946 ia telah dikembangkan di Tanah Melayu dan diberikan nama All Malayan Council of Joint Action (AMCJA) yang dipengerusikan oleh Tan Cheng Lock.Sila rujuk Mohd. Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, Utusan Publications, Kuala Lumpur, 2002, hlm., 310-313, 330 dan 333-334.

pada tahun 1949 yang kemudian mendominasi pergerakan politik kaum Cina di Malaysia dewasa ini.



Tan Cheng Lock
Presiden Pertama MCA
27 Februari 1949 – Mac 1958



Tun Tan Siew Sin
Presiden Ketiga MCA
November 1961 - 8 April 1974.

Konsep perkongsian kuasa dan kontrak sosial merupakan satu konsep yang ternyata terlalu asing bagi bangsa Melayu tradisi. Idea yang dicetuskan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, Tun Tan Cheng Lock dan Tun Samanathan. Dasar perkongsian kuasa dan kontrak sosial yang dipersetujui dan kemudian menjadi pegangan kepada pribumi lokal dan bukan lokal telah mencorakkan suasana politik baru di Tanah Melayu. Dasar perkongsian kuasa antara kaum yang terdapat dan diamalkan di Malaysia membuktikan telah berlaku proses interaksi, integrasi dan asimilasi dalam struktur politik di Tanah Melayu. Ia bertujuan untuk mewujudkan perpaduan kaum di kalangan pelbagai kaum yang terdapat di Malaysia. Cuma yang perlu difikirkan secara serius ialah sistem politik yang terdapat di Malaysia kebanyakannya berteraskan kepada sistem politik perkauman. Ini boleh dibuktikan dengan wujudnya kepelbagaian parti politik berbentuk perkauman seperti UMNO yang mewakili pribumi Melayu /

bumiputera, MCA, GERAKAN dan DAP yang mewakili masyarakat Cina, MIC, PPP dan IPF yang mewakili masyarakat India.¹⁰ Perkembangan ini merupakan satu perkembangan politik yang tidak sihat. Hari ini keadaan seperti ini dapat dikawal oleh kerana terdapatnya kepimpinan yang berkaliber. Namun belum tentu fenomena ini akan berterusan. Struktur baru politik rakyat ini hanya mampu dikawal sekiranya terdapat pemimpin yang memiliki karisma yang tinggi serta mampu memandang ke hadapan.

Kebaikan dan keterbukaan masyarakat pribumi lokal ini akhirnya dapat menarik minat bangsa migran untuk terus tinggal menetap di Tanah Melayu. Mereka mulai menerima identiti Melayu sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka. Walaupun mereka tetap mengekalkan identiti asal mereka. Bagi mereka yang keseorangan maka mereka membuat keputusan untuk berkahwin dengan masyarakat lokal dan terus tinggal tetap di Tanah Melayu. Waktu itu konsep kahwin campur amat longgar dan sudah dapat diterima umum oleh masyarakat pribumi lokal di Tanah Melayu. Ekoran dari itu maka lahirlah beberapa etnik baru hasil daripada perkahwinan campur tersebut. Misalnya muncul etnik Cina Peranakan yang lebih dikenali sebagai masyarakat Baba dan Nyonya, masyarakat Chite, masyarakat Portugis, masyarakat Begus (Campuran antara orang Belanda dan Melayu), masyarakat Syed (Campuran Syeikh Arab yang berdagang dan menyebarkan agama Islam kemudian berkahwin dengan gadis-gadis Melayu), dan sebagainya. Dalam proses perkahwinan ini satu etnik baru telah dilahirkan, di dalam etnik ini proses integrasi dan asimilasi budaya telah berlaku yang akhirnya mewujudkan beberapa ciri baru dalam amalan budaya mereka tanpa menghilangkanan ciri-ciri asal budaya mereka. Boleh dikatakan berlakunya gabungjalih dan penyesuaian budaya dalam masyarakat tersebut. Misalannya orang-orang Baba Peranakan merupakan satu kelompok orang Cina yang telah mengalami satu proses baru budaya dan penyesuaian diri dengan penduduk dan persekitaran tempatan. Mereka mempunyai pertalian sejarah dan

¹⁰ Hasrom Haron, *Barisan Nasional : Selayang Pandang Tentang Konsep dan Perkembangannya*, Jebat, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, bangi, 1973/4/1974/5, hlm. 100.

kebudayaan yang sama dengan Semenanjung Tanah Melayu. Mereka menggunakan dan mengembangkan satu bahasa yang berasal dari Bahasa Melayu dan menjadikannya sebagai bahasa ibunda mereka sendiri. Mereka juga menerima unsur-unsur atau pengaruh-pengaruh dari kebudayaan Melayu terutama dalam hal makanan, pakaian kaum wanita, bahasa dan kesenian.¹¹ Ini merupakan satu bukti nyata proses integrasi dan asimilasi yang berlaku dalam masyarakat Peranakan Baba dan Nyonya di Tanah Melayu. Begitu juga dengan masyarakat Portugis, masyarakat Arab dan masyarakat Chite, walaupun terdapat proses integrasi dan asimilasi namun pengekalan ciri-ciri asal masyarakat mereka diteruskan khususnya berkaitan dengan pakaian dan makanan. Usaha ini penting bagi memastikan agar budaya asal mereka tetap dipelihara sebagai warisan budaya nenek moyang. Dalam masa yang sama proses ini turut penting agar dapat mengekalkan perpaduan antara kaum yang terdapat di Malaysia.

Bagi menjamin perpaduan rakyat yang berbilang kaum, maka pentingnya bagi rakyat Malaysia memupuk nilai-nilai sosial yang tinggi terdapat dalam budaya masing-masing. Tindakan-tindakan yang boleh mempertingkatkan perpaduan antara kaum seperti mewujudkan peluang berinteraksi dan bekerjasama, atau berintegrasi melalui ciri-ciri budaya antara kaum dan kalau berkemampuan untuk melakukan asimilasi antara budaya. Kerjasama dan tolak ansur dalam merealisasikan perkara tersebut mampu melahirkan suasana yang harmoni di kalangan rakyat Malaysia. Persoalan yang timbul pula ialah masyarakat Melayu telah melakukan segala-galanya untuk kaum migran agar hidup dalam keadaan kondusif di Tanah Melayu, tetapi bagaimana pula balasan kaum migran kepada budi pekerti yang pernah ditaburkan kepada mereka? Jangan jadi seperti pribahasa Melayu '*Kacang lupakan kulit*', atau '*Melepaskan anjing tersepit*'.

¹¹ Oong Hak Ching, "Sikap dan Pandangan-pandangan Politik Baba Peranakan : 1890-1940", dlm. Nik Hassan Shuhaimi, Nik Abuar Nik Mahmud dan Yahaya Abu Bakar, *Sumbangsih Kumpulan Esei Sejarah*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988, hlm. 120.

Sosialbudaya Baru

Budaya baru yang mulai tumbuh di Tanah Melayu ialah Budaya Nasional. Kebudayaan Nasional terbit daripada gabungan antara budaya apabila berlaku interaksi dan intergrasi di dalam budaya. Ia mesti dilakukan demi untuk mewujudkan perpaduan antara kaum. Sejarah 13 Mei 1969 telah membuatkan pihak berkuasa berusaha secara serius demi mengekalkan keharmonian kaum di Malaysia. Tragedi 13 Mei sesungguhnya amat memalukan negara Malaysia yang baru sahaja mencapai kemerdekaan. Oleh kerana sifat perkauman yang terbiar dan berkembang di kalangan setiap bangsa, maka kemuncak dari perasaan perkauman ini diterjemahkan dalam tragedi 13 Mei 1969.¹²

Kalau kita menyorot peristiwa 13 Mei, kita akan dapati semangat perkauman migran Cina yang mendalam diperkasakan pula dengan ideologi komunis yang rancak menyemarak dalam jiwa sebahagian orang Cina. Ideologi komunis didominasi oleh kaum Cina kerana mereka ditiupkan dengan semangat tersebut melalui kegiatan Parti Komunis Cina dari tanah kelahiran mereka. Seterusnya diperkuatkan pula dengan kehadiran pertubuhan-pertubuhan kongsi gelap. Dasar Inggeris yang tidak tegas dalam membanteras kegiatan komunis di kalangan kaum imigran Cina dan tindak-tanduk yang mengharapakan masyarakat lokal menentang pengaruh komunis. Ditambah pula terdapat sesetengah pegawai Inggeris yang mengapi-apikan bangsa Melayu dengan istilah-istilah seperti, '*komunis itu Cina dan Cina itu komunis*'. Walaupun ucapan-ucapan tersebut dilakukan dalam perjumpaan-perjumpaan kecil tetapi perbuatan tersebut mampu membakar semangat bangsa Melayu menentang Cina komunis yang telah dilabelkan sebagai pengganas dan berbahaya.¹³

¹² Mohd Ridzuan Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 120 dan 158.

¹³ Syed Husin Ali, *Orang Melayu : Masalah dan Masa Depan*, Penerbitan ABADI, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 44.

Ekoran dari tragedi ini maka kerajaan berusaha melahirkan *Kebudayaan Nasional* agar dapat memupuk kesedaran dan perpaduan di kalangan bangsa Malaysia. Bagi mencapai perpaduan rakyat maka pada bulan Ogos 1971, kerajaan telah menggubal sebuah Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang berteraskan kebudayaan rakyat asal negara ini dan agama Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan. Unsur-unsur kebudayaan kaum lain yang sesuai dan wajar juga diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan. Ia bermatlamatkan perpaduan masyarakat sepenuhnya, kerana tidak dianggap sebagai lambang perpaduan masyarakat Malaysia semata-mata tetapi mestilah konsep tersebut difahami, dihargai dan diamalkan oleh setiap rakyat Malaysia.¹⁴ Sesungguhnya tragedi 13 Mei sudah mempalitkan sejarah hitam negara kita yang pastinya kita tidak mampu dihadapi sekali lagi. Bangsa Melayu amat sedar tentang persengketaan yang tidak menguntungkan sesiapa pun, kerana dalam budaya Melayu sudah lama mengajar bangsanya tentang ruginya hidup bermusuhan seperti yang ditegaskan dalam peribahasa berikut, '*Menang jadi arang, Kalah jadi abu*'. Demi untuk memastikan kemakmuran dan perpaduan antara kaum terpelihara, maka semua rakyat Malaysia harus serius untuk merealisasikan Kebudayaan Kebangsaan. Teras budaya untuk semua.



KEBUDAYAAN NASIONAL

¹⁴ Malaysia Kita, *op.cit*, hlm. 441.

Satu pendapat yang perlu dilihat secara serius perkaitan dengan masalah masyarakat pribumi lokal ialah ;

“Di Malaysia, masyarakat pribumi lokal sedang berhadapan dengan satu ‘dilema Melayu’, masalah ini berkaitan dengan perasaan hati mereka yang sebenar terhadap Tanah Melayu. Terhadap perkongsian bumi orang-orang Melayu dengan masyarakat pribumi bukan lokal. Masalah ini juga berkaitan dengan harapan mereka apabila kemerdekaan tercapai dan terhempasnya pula beberapa harapan mereka apabila berhadapan dengan realiti. Inilah kedudukan berbahaya yang tidak mahu dinyatakan oleh sesiapa juga di khalayak ramai oleh kerana beberapa sebab. Orang-orang Cina dan India berpendapat bahawa orang Melayu sedar bahawa mereka menghadapi masalah yang membingungkan, dan perbincangan umum mengenai masalah ini mungkin akan menimbulkan reaksi yang kait mengait dan tidak terkawal serta membawa bencana. Orang Melayu sendiri mengelakkan kenyataan terbuka mengenai masalah ini sebab masalah ini memalukan mereka dan memalukan orang-orang lain juga. Merekalah yang terutamanya bertanggungjawab memendam masalah orang Melayu khusus ini.”¹⁵

Ia merupakan satu pendapat yang pernah menjadi kontraversi. Pendapat serta buku beliau pernah diharamkan penerbitannya di Malaysia. Beliau ialah Dr. Mahathir Muhamad dengan bukunya *‘Malay Dilemma’*. Sesungguhnya beliau amat tegas dalam berhujah, demi untuk membela bangsa Melayu yang serba kekurangan. Kemudian apabila beliau berkuasa beliau berusaha bersungguh-sungguh untuk merealisasikan pendapat tersebut, agar bangsa Melayu dapat bersaing dan maju seperti bangsa lain di Malaysia. Perlunya wujud interaksi, integrasi dan asimilasi dalam semua bidang agar bangsa pribumi lokal dan bukan lokal sama-sama menikmati kemajuan di Malaysia. Agar perasaan tidak puashati tidak timbul dan demi menjamin perpaduan antara kaum.

Era kepimpinan Tun Abdul Razak ialah kesanggupan beliau menjalin hubungan dengan kerajaan China. Mewujudkan kembali hubungan diplomatik yang terputus sekian lama. Beliau menjalin hubungan persahabatan dengan China dalam suasana dunia seolah-olah menghukum China kerana Dasar Komunisnya.

¹⁵ Mahathir Muhammad, *Malay Dilemma*, Times Books International, Singapura, 1982, hlm.138.

Beliau turut melawat Peking (Beijing) dan mengadakan perundingan dengan Pengerusi Parti Komunis China, Chou En Lai pada 28 Mei 1974. Terdapat segelintir pemimpin dalam negara yang membantah dasar baru Tun Abdul Razak Hussein untuk berbaik-baik dengan China setelah berlakunya gerakan Parti Komunis Malaya (PKM) terhadap negara. Pemimpin Melayu bimbang China ini akan meluaskan pengaruh komunis di Malaysia setelah Komunis berjaya meluaskan penguasaan di Veitnam Selatan. Namun demikian tindakan Tun Abdul Razak telah diikuti oleh negara-negara ASEAN yang lainnya. Kehebatan Tun Abdul Razak telah dapat memujuk Mao Tze Dong dan Chou En Lai untuk tidak terlibat atau membuat sebarang percubaan mempengaruhi kaum Cina Malaysia memalingkan taat setia terhadap negara. Sebagai penghargaan Tun Abdul Razak telah mewujudkan Pejabat Kedutaan Malaysia ke Beijing pada Disember 1974 dan diikuti oleh Kerajaan China mewujudkan Pejabat Kedutaannya di Malaysia pada Febuari 1975.¹⁶

Peristiwa tersebut merupakan tonggak sejarah yang sangat penting dalam hubungan kedua-dua negara, kerana pada satu sisi itu melambangkan berakhirnya satu fasa dalam politik luar negeri Malaysia yang diwarnai sikap antikomunis, anti-China dan sangat pro-Barat. Peristiwa itu juga menunjukkan keberhasilan China untuk mewujudkan hubungan persahabatan dengan negara-negara nonkomunis di Asia Tenggara. Khususnya setelah Revolusi Kebudayaan di China berakhir. Perubahan tersebut berjalan secara bertahap dan terjadi sebagai akibat dan pengaruh baik perkembangan dalaman mahupun luaran di kedua-dua negara.

Hubungan Ekonomi

Walaupun hubungan perdagangan antara kedua buah negara ini amat unik bermula dengan era Kesultanan Melayu Melaka tetapi terhenti apabila bermulanya era penjajahan dan imperialisme Barat. Namun sejak tahun 1974 kebuntuan ini telah dapat diatasi. Bermula dari situ, satu demi satu langkah

¹⁶ Willian Shaw, *op-cit.*, hlm. 299.

diplomati telah diatur sehinggalah kepada hubungan dagangan yang cukup **kompetetaif**. Malaysia dan China boleh memperluaskan kerjasama perdagangan tukar barang (barter) minyak sawit dan beras kedua-dua negara. Langkah itu akan membantu banyak pemilik ladang kecil dan sederhana, terutamanya dalam menghadapi kejatuhan harga minyak sawit, katanya. Kedua-dua negara boleh juga meneroka bidang-bidang kerjasama yang lain, kata beliau. "Malah Malaysia dan China perlu bekerjasama dengan lebih erat lagi bila kedua-dua negara merayakan hubungan diplomatik yang ke-35 tahun, tahun ini," kata Ong Tek Kiat yang juga Presiden *Malayan Cinesse Asosiation* (MCA) dan Menteri Pengangkutan Malaysia. Beliau mengetuai perwakilan Malaysia yang terdiri daripada 21 anggota, ke China. Kemuncak lawatan itu ialah pertemuan dengan Jia Qinglin, Pengerusi Persidangan Perundingan Politik Rakyat China dan anggota Jawatankuasa Tetap Politburo Parti Komunis China. Ong berkata juga dipersetujui bahawa kedua-dua negara boleh bekerjasama dalam beberapa aspek, termasuk usaha strategik bagi menempatkan Sino-Malaysia sebagai gerbang ke Asia Timur, dan menggunakan Malaysia sebagai 'jendela' ke Timur Tengah. Ini termasuklah bidang-bidang seperti perdagangan, pendidikan, kebudayaan dan politik. Satu daripada berita baik terawal ialah rancangan untuk menarik satu daripada universiti terunggul dari China, termasuk Hong Kong, untuk menubuhkan cawangan di Johor, kata menteri itu. Selain menawarkan peluang kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan kelayakan daripada universiti berprestij, kata Ong, usaha ini akan membantu mempermudah penyelidikan dan memanfaatkan bakat-bakat pada masa akan datang bagi memperkasa industri di negeri di selatan tanah air itu. Ong berkata syarikat-syarikat China juga dipelawa untuk melabur dalam projek pembesaran pelabuhan, pembangunan di Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Johor serta pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai sebagai sebuah hab penerbangan. Pelabuhan Tanjung Pelepas sahaja sedang menyiapkan 14 tambatan kapal baru dan merancang untuk memperbesarkan lagi pelabuhan itu, katanya. Pelabuhan itu dianggarkan dapat mengendalikan 12 juta TEU menjelang 2012. "Penyertaan syarikat China dalam projek-projek pembangunan

besar ini bukan sahaja mempermudah pergerakan barangan dari China ke dalam pasaran Asia dan Timur Tengah, malah menjanjikan pewujudan berpuluh ribu pekerjaan baru bagi rakyat Malaysia. "Potensi bagi syarikat China untuk memanfaatkan kepakaran dan lokasi strategik Malaysia sebagai koridor ke Timur Tengah amat besar," tegasnya. Perwakilan itu juga melawat *China National Cereals, Oils and Foodstuffs Corporation Limited*, pengimport dan pengeksport minyak dan makanan terbesar di China dan pengeluar makanan terkemuka.¹⁷ Malaysia akan terus berhubung dengan China bagi merangsang hubungan politik, ekonomi dan perdagangan, terutamanya dalam usaha untuk mewujudkan peluang perniagaan di tengah-tengah kelembapan ekonomi global. Dagangan dua hala antara Malaysia dan China dijangka dengan mudah melepasi AS\$50 bilion pada 2008 berbanding AS\$46.4 bilion setahun 2007.¹⁸ Walaupun suasana ekonomi yang sedang berhadapan dalam situasi kegawatan namun hubungan perdagangan antara Malaysia – China dilihat lebih positif dan dapat membantu Malaysia keluar dari kemelut ekonomi pada tahun 2009.

Dasar Pendidikan

Kedatangan Inggeris bukan sekadar ingin menguasai kekayaan ekonomi Tanah Melayu tetapi turut mengorentasikan pemikiran masyarakat pribumi lokal dengan sistem pendidikan sekular. Berjaya memisahkan jauh pendidikan agama yang sekian lama bertapak di Tanah Melayu. Dasar pendidikan Inggeris sebelum perang telah disifatkan sebagai 'dualistik' kerana mengkhaskan pendidikan Inggeris bagi golongan elit manakala pendidikan vernakular dianggap sesuai bagi masyarakat umum. Bertujuan untuk mewujudkan jurang perbezaan di dalam masyarakat Melayu. Waktu itu sistem pendidikan Inggeris bertujuan sebagai saluran untuk melatih pekerja kolar putih yang diperlukan bagi mengisi jawatan pegawai rendah dan menengah dalam perkhidmatan awam serta alam

¹⁷ http://www.kpdnhep.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=13145&itemid=460

¹⁸ http://bmweb.mida.gov.my/cms/eberita2.jsp?id=com.tms.cms.article.article_f73a024c-d2bb29d0-150b9010-4c061a57

perniagaan, manakala pendidikan vernakular membantu membendung masyarakat umum dalam order masyarakat tradisi yang didapati begitu sesuai dengan kepentingan British.¹⁹ Mereka yang tinggal di kawasan pendalam tidak dihiraukan oleh pihak Inggeris malah masyarakat pribumi lokal Melayu tidak menerima khidmat sokongan untuk membantu mereka mengubah corak hidup mereka. Penyediaan pendidikan asas semata-mata bertujuan untuk mengisi keperluan biasa murid-murid Melayu yang akan menjadi pembawa kereta lembu, penanam padi, nelayan, tukang kayu dan sebagainya. Fenomena ini menyukarkan bangsa Melayu untuk melakukan perubahan. Bagi memasuki sekolah-sekolah Inggeris yang terletak di bandar-bandar sudah pastinya mereka tidak berkemampuan kerana faktor kemiskinan. Lantaran itulah tidak hairan masyarakat pribumi lokal tetap tinggal di belakang dan seterusnya tidak mampu bersaing dengan masyarakat pendatang yang lebih berpeluang dan berkemampuan. Kesan daripada keadaan ini sedikit sebanyak telah membentuk struktur masyarakat Melayu dewasa ini.

Dalam masa yang sama penjajah Inggeris memberikan galakkan penubuhan sekolah-sekolah asing khususnya sekolah Cina dan sekolah Tamil, berkembang secara sendirian. Lantaran itu perkembangan sistem pendidikan asing tidak dipantau atau diselenggarakan. Ini membuatkan corak dan perkembangan sistem pendidikan bagi masyarakat pribumi bukan lokal berkembang mengikut arus pemikiran mereka waktu itu. Fenomena ini menebalkan lagi semangat perkauman di kalangan mereka kerana sistem pendidikan yang dijalankan oleh mereka berorientasikan negara asal kelahiran mereka. Sistem pendidikan mereka seperti penggunaan kurikulum, bahasa, buku teks, tenaga pengajar dan fokus pengajaran dan pembelajaran berkiblatkan negara asal mereka. Lantaran penggunaan bahasa ibunda masing-masing maka hidup bermasyarakat dan kesukaran berinteraksi pun terjadi. Ini dapat dirasakan di zaman sebelum merdeka, setiap bangsa amat sukar berinteraksi apa lagi untuk berintegrasi dan

¹⁹ Tan Liok Ee, "Dasar Pendidikan dalam Konteks Dekolonisasi : Semenanjung Tanah Melayu 1945-1955", dlm. Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad (ed), *Kolonialisme di Malaysia*, Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1990, hlm. 205.

berasimilasi kerana faktor kesukaran berkomunikasi. Amalan terhadap dasar ini menekankan penggunaan bahasa ibunda masing-masing membuatkan mereka hidup terasing. Malah mereka hanya hidup dalam lingkaran bangsa dan budaya mereka sahaja. Ini membuktikan amat sukar mewujudkan interaksi, integrasi dan asimilasi dalam perkembangan sistem pendidikan yang terdapat di Tanah Melayu. Fenomena ini membuatkan wujudnya kepelbagaian pemikiran yang kadang-kadang terdapat nilai sosial yang bertentangan. Ia menyukarkan lagi proses perpaduan kaum di Tanah Melayu.

Bagi mengatasi masalah ini beberapa langkah positif telah dilakukan oleh pihak Inggeris seperti menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi mengkaji pendidikan vernakular Cina di Persekutuan Tanah Melayu. Hasil dari usaha tersebut maka lahirlah Laporan Fenn-Wu pada tahun 1951. Bagi memantapkan lagi sistem pendidikan maka Ordinan Pelajaran 1952 diluluskan. Kemuncak dari usaha pihak Inggeris untuk merealisasikan integrasi nasional dalam sistem pendidikan ialah tertubuhnya Jawatankuasa Pendidikan tahun 1955, dianggotai oleh semua kaum. Antara fokus kajian mereka ialah mengkaji Dasar Pendidikan Persekutuan Tanah Melayu agar ianya dapat diterima oleh semua kaum serta memenuhi keperluan-keperluan mereka dengan memperkembangkan kebudayaan, kemasyarakatan, ekonomi dan politik sebagai satu bangsa.²⁰ Lantaran pendidikan merupakan satu bidang yang berterusan maka usaha-usaha untuk mendidik masyarakat hendaklah sentiasa dilakukan tanpa mengenal noktah. Lebih-lebih lagi unsur-unsur tidak sihat seperti pengekalan penggunaan bahasa ibunda masing-masing dan kehidupan masyarakat perbagai kaum yang hidup dalam lingkaran bangsa dan budaya tersendiri, sudah tentu ia menyumbang ke arah penebalan semangat perkauman masing-masing. Ini merupakan satu perkembangan yang tidak sihat dan boleh mengganggu proses perpaduan kaum.

²⁰ Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee, *Pendidikan di Malaysia*, Kumpulan Budiman, Kuala Lumpur, 1988. hlm. 43-44.

Menyedari wujudnya unsur-unsur yang tidak sihat ini maka pasca merdeka dilihat boleh membantu untuk melakukan reformasi dalam sistem pendidikan yang wujud di Tanah Melayu. Usaha untuk mewujudkan interaksi, integrasi dan asimilasi dalam sistem pendidikan mesti dilakukan demi untuk menjaga kepentingan semua kaum dan bagi menjamin perpaduan negara. Lantaran itu Dasar Pelajaran Kebangsaan diperkenalkan pada tahun 1956. Bertujuan untuk melahirkan sekolah-sekolah yang berjiwa Tanah Melayu dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Di samping itu tidak merosakkan kebudayaan serta bahasa-bahasa ibunda termasuklah kepentingan bahasa Inggeris.²¹ Namun sebelum melangkah ke era 1970an, perkembangan sistem pendidikan di Malaysia adalah meragukan dan mengelirukan masyarakat Melayu. Kemampuan penggunaan Bahasa Malaysia telah dibayangi oleh kecemerlangan Bahasa Inggeris. Ia terjadi kerana rata-rata para pemimpin yang mewarisi kepimpinan negara berpendidikan Inggeris, maka sudah tentu penggunaan Bahasa Malaysia agak lembab dan tidak meyakinkan. Fenomena ini menyebabkan ada di antara jabatan-jabatan kerajaan mengutamakan penggunaan Bahasa Inggeris dalam urusan rasmi mereka. Kehanyutan Dasar Pelajaran Kebangsaan, boleh juga dianggap sebagai salah satu sebab tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969. Orang-orang Melayu yang mengharap Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi, rupa-rupanya hanya satu harapan yang tiada makna.²² Peristiwa 13 Mei boleh dilihat sebagai *'turning point'* dalam usaha menjadikan institusi pendidikan sebagai ejan perubahan untuk merealisasikan interaksi, integrasi dan asimilasi antara masyarakat pribumi lokal dengan masyarakat bukan pribumi lokal di Malaysia.

Sesungguhnya amat sukar untuk merealisasikan perpaduan kaum melalui sistem pendidikan, kerana sifat pendidikan yang berteraskan pendidikan asas sesuatu kaum itu masih menebal sehingga ke hari ini. Malah jaguh-jaguh politik pelbagai etnik masih menjadikan isu pendidikan sebagai topik utama dan agenda

²¹ Mohd. Salleh Lebar, *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 55-56.

²² Ibid, hlm. 122.

perjuangan khususnya berkaitan dengan pendidikan Cina dan India. Malah kelembapan dan kelemahan kepimpinan politik negara menyemarakkan lagi situasi ini. Demi *savival politik* atau *political mileage* kepentingan pendidikan satu dasar untuk semua di pandang sepi. Kenyataan ini boleh dibuktikan dengan wujudnya sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang mengutamakan bahasa ibunda etnik masing-masing. Usaha berterusan oleh pihak kerajaan bagi mewujudkan interaksi, integrasi dan asimilasi antara kaum di Malaysia masih diteruskan sehingga ke hari ini, seperti memperkenalkan Sekolah Menengah Kebangsaan untuk semua kaum yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar pada tahun 1976. Mewujudkan Pusat Perkembangan Kurikulum tahun 1973, Kementerian Pelajaran Malaysia ditukar nama kepada Kementerian Pendidikan Malaysia tahun 1987, kemudian ditukar kembali kepada Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2000, Falsafah Pendidikan Negara dilahirkan tahun 1988, manakala era 2000an kerajaan memperkenalkan Sekolah Wawasan dan Sekolah Integrasi Kaum. Ia dilakukan bagi melahirkan satu bangsa yang boleh berinteraksi dan berintegrasi dengan baik tanpa mengambil kira latarbelakang agama, bangsa dan budaya. Malah bagi melahirkan sebuah bangsa yang bergelar Malaysia maka isu-isu pendidikan mestilah dilihat secara positif dan tidak dipolemikkan dan dipolitikkan. Melalui sistem pendidikan sahaja usaha-usaha murni ini akan membuahkan hasil yang baik dan berkekalan. Pastiya dapat menjamin matlamat khusus iaitu perpaduan kaum dan kemakmuran negara.

Dilema Adat Dan Budaya

Suatu perkara yang paling sukar untuk dibentuk dalam merealisasikan integrasi dan asimilasi antara kaum ialah nilai dan pandangan budaya yang berbeza-beza. Sungguhpun setiap bangsa hidup bekerja bersama namun selepas waktu kerja mereka pulang dalam lingkaran kehidupan masing-masing. Orang Melayu, orang Cina dan orang India mungkin hidup berjiran. Mereka bertemu sewaktu

menjalankan aktiviti kerja seharian, malahan sewaktu pergaulan secara sosial. Akan tetapi selepas waktu bekerja, mereka masing-masing kembali ke dalam lingkaran budaya dan kaum masing-masing dan lingkaran ini tidak pernah terbuka atau dicerobohi oleh mana-mana kaum tersebut. Mereka hidup di dalam dunia kaum masing-masing, nilai-nilai mereka bukan sahaja berbeza, malahan kadang-kadang bertentangan. Ini terbukti dengan perspektif nilai adat dan budaya yang amat berbeza dan kadang-kadang bertembung antara satu dengan yang lain.


Apabila timbul usaha-usaha untuk mewujudkan keseragaman budaya atau dengan kata lain mewujudkan kebudayaan kebangsaan, maka akan timbul berbagai-bagai reaksi dan tanggapan daripada pelbagai pihak. Selalunya reaksi yang timbul adalah negatif. Mereka beranggapan wujud usaha untuk melenyapkan kebudayaan-kebudayaan yang sedia ada atau sekurang-kurangnya menjejaskan kemurnian budaya masing-masing. Ia merupakan tanggapan yang tidak tepat. Kebudayaan merupakan suatu yang dinamik, iaitu ia berubah dan tidak statik. Ada kalanya perubahan itu berlaku dengan cepat dan ada ketikanya berlaku secara lambat. Mereka yang cuba mempertahankan kemurnian kebudayaannya, lupa bahawa ciri-ciri yang murni itu bersifat relatif: apa yang dianggap murni pada hari ini sebenarnya adalah satu pembaharuan pada satu ketika dahulu.²³ Namun pandangan negatif ini menyelubungi dan melingkari pemikiran para budayawan masing-masing dan menyukarkan usaha untuk mewujudkan kesatuan budaya.

Sebenarnya lingkaran tersebut terjadi kerana faktor penempatan atau perkampungan. Lantaran itulah sentiasa berlakunya pertembungan budaya kerana dalam lingkaran penempatan mereka budaya masing-masing tumbuh subur malah sentiasa dipupuk. Pertembungan budaya yang menjadi wajib bagi integrasi budaya tidak banyak berlaku dalam konteks budaya tradisional, kecuali

²³ Mohd. Taib Osman, *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, him.29.

yang diadakan demi kepentingan integrasi nasional. Oleh itu keadaan pertembungan budaya antara masyarakat pribumi lokal dengan masyarakat pribumi bukan lokal boleh digambarkan dalam Rajah 1 di bawah ;

RAJAH 1



Menurut Mohd. Taib Osman, dalam bukunya *Kebudayaan Melayu Dalam Beberapa Persoalan* secara tegas menyatakan bahawa dalam membicarakan

aspek adat dan budaya, untuk dijadikan teras budaya Malaysia maka beliau berpendapat seperti berikut ;

“Saya kira ada tempatnya aspek-aspek budaya tradisional tempatan yang dipilih secara sedar untuk ditingkatkan ke peringkat budaya yang dominan bagi negara Malaysia. Yang pentingnya ialah asimilasi oleh orang Melayu terhadap budaya Cina dan mahupun India, tidak patut dijadikan momok dan mengeruhkan dunia politik, kerana ini tidak akan berlaku. Sebaliknya kita mesti menggalakkan usaha agar budaya masing-masing menurunkan sempadan supaya integrasi berjalan lancar dan pemupukan kebudayaan kebangsaan berjalan terus secara positif.”²⁴

Saranan beliau ini amat bernas demi untuk mencapai matlamat perpaduan nasional. Seharusnya disahut dan dilihat secara positif oleh semua pihak terutamanya kepimpinan negara agar mengutamakan perpaduan kaum sebagai agenda politik dan kesejahteraan rakyat sebagai matlamat utama.

Kesimpulan

Sejarah panjang hubungan Malaysia – China sehingga melahirkan sebuah negara baru iaitu Malaysia dengan kepelbagaian etnik. Fenomena ini merupakan sebuah keistimewaan yang terdapat di Malaysia dan sukar dilihat di tempat lain. Kewarganegaraan Malaysia untuk semua yang menyatakan kesetiaan kepada Rukun Negara. Dewasa ini Malaysia di dominasi oleh tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Proses interaksi, integrasi dan asimilasi antara masyarakat pribumi lokal dengan masyarakat pribumi bukan lokal di Malaysia sesungguhnya masih dalam peringkat pelaksanaan. Ia merupakan satu proses berterusan dan harus dijalankan sepanjang masa. Bagi merealisasikan hasrat ini maka semua pihak hendaklah berlapang dada dan bersedia untuk melakukannya. Tanpa kerelaan, amat sukar untuk menjayakan matlamat tersebut.

²⁴ Mohd. Taib Osman. *Kebudayaan Melayu Dalam Beberapa Persoalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 1988. hlm.134.

Setiap bangsa yang terlibat mestilah melihat perkara tersebut secara positif kerana usaha kerajaan atau badan-badan yang terlibat sebenarnya bukan untuk menghilangkan identiti satu-satu adat dan budaya itu. Mereka harus belajar daripada sejarah yang pernah dilalui oleh negara kita. Tetapi proses ini sebenarnya bertujuan untuk melahirkan sebuah masyarakat berbilang kaum menjadi satu bangsa yang boleh dibanggakan bergelar bangsa Malaysia. Hasrat melahirkan satu bangsa bergelar Malaysia sebenarnya berteraskan kepada Kebudayaan Nasional yang mengambilkira semua budaya yang ada di negara ini. Matlamat utama usaha-usaha ini dilakukan adalah bertujuan untuk memastikan perpaduan nasional terpelihara.

lanya tidak harus dipolitikkan. Sepatutnya ahli-ahli politik hendaklah bijak dalam memilih isu-isu politik dan meletakkan kepentingan nasional di hadapan. Kemajuan sesebuah bangsa dan negara tidak akan bermakna sekiranya perpaduan negara tidak dinikmati. Tragedi 13 Mei mestilah dijadikan teladan dan panduan agar usaha mewujudkan interaksi, integrasi dan asimilasi antara kaum berjalan dengan lancar. Malah Tsunami politik 2008 juga mesti dilihat secara positif dan mengambil iktibar darinya. Maka barulah kita dapat memastikan kewujudan perpaduan kaum khususnya Malaysia yang berlatarbelakangkan masyarakat majmuk dapat dicapai.

Bibliografi

- _____ 1983. *Isu Ekonomi Sosial dan Politik Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ 1993. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ 1987. *Pertemuan Dunia Melayu '82*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ 1991. *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur. INTAN.
- Abdullah Jusuh. 1989. *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Antory Hussain. 1998. *Dari Berantakan menuju Pembangunan Politik Melayu 1990-2000*. Utusan Publication. Kuala Lumpur.
- Azamah Abdul Manaf. 2001. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur. Utusan Publications.

- Chamhuri Siwar, Mohd Yusof Kasim dan Abdul Malik Ismail. 1992. *Ekonomi Bumiputera Selepas 1990*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hairudin Harun 2001. *Kosmologi Melayu dalam Era Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Saat. 2005. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Karisma Publications. Shah Alam.
- Ishak Saat. 2008. *Pendidikan Negara Bangsa Malaysia*. Karisma Publications. Shah Alam.
- Ishak Saat. 2009. *Malaysia 1945-2000*. Kuala Lumpur. Utusan Publications dan Distributions.
- Ismail Noor dan Muhammad Azaham. 2000. *Takkan Melayu Hilang di Dunia*. Subang Jaya. Pelanduk.
- Katiman Rostam. 2001. *Dasar dan Strategi Petempatan dalam Pembangunan Negara*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khoo Kay Kim. 1971/72. *Latarbelakang Sejarah Masyarakat India dan China di Tanah Melayu*. dlm. Jebat. Bangi. Persatuan Sejarah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khazin Mohd. Tamrin. . 1979. *Orang Jawa di Selangor : Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahani Musa dan Tan Liok Ee. 2000. *Sorotan Terpilih Dalam Sejarah Malaysia*. Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia.
- Mahathir Muhammad. 1982. *Malay Dilemma*. Singapura. Times Books.
- Mahathir Muhammad. 1988. *Teks Ucapan Persidangan Agung UMNO*. Kuala Lumpur. Pejabat Agung UMNO.
- Maimunah Ismail. 1999. *Pengembangan Implikasi ke atas Pembangunan Masyarakat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Haji Yahaya. 2001. *Islam Di Alam Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Salleh Lebar. 1988. *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur. Nurin Enterprise.
- Mohd. Taib Osman. 1988. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman. 1988. *Kebudayaan Melayu Dalam Beberapa Persoalan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusof Hassan. 1991. *Dunia Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee. 1988. *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman.
- Muhd. Yusuf Ibrahim. 1989. *Sejarah Intelek- Isu dan Masalah*. Bangi. Jabatan Sejarah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (Peny.). 1988. *Sumbangsih Kumpulan Esei Sejarah*. Bangi. Jabatan Sejarah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norazit Selat, Hashim Awang dan Nor Hashim Osman. 1997. *Meniti Zaman Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Moden*. Kuala Lumpur. Akademik Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Norazit Selat. 1997. *Ekonomi dan Politik Melayu*. Kuala Lumpur. Akademik

Pengajian Melayu Universiti Malaya.

Omar Farouk Bajunid(Peny.). 1989. *Esei-esei Budaya dan Sejarah Melaka.* \ Kuala Lumpur. Asrama Za'ba Universiti Malaya.

Shamsul Amri Baharuddin.1993.*Masyarakat Malaysia dan Alam Sosialnya.*Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siddiq Fadil. 1998.*Minda Melayu Baru.* Kuala Lumpur. Institut Kajian Dasar.

Syed Husin Ali.1979. *Orang Melayu : Masalah dan Masa Depan.* Kuala Lumpur. Penerbitan Adabi.

Syed Hussein AlAtas. 1991. *Intelektual Masyarakat Membangun.* Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tan Chee Beng.1988. "*The Baba of Melaka*", *Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community in Malaysia.* Petaling Jaya. Pelanduk.

Wan Liz Ozman Wan Omar.2000.*Mengurus Agenda Abad 21, Cabaran dan Persiapan Dalam Era Globalisasi.*Kuala Lumpur.GBC.

Wan Ramli Wan Muhammad dan Hanapi Dollah.1999. *Pantang Larang Orang Melayu Tradisional.* Kuala Lumpur. Utusan Publication.